

**MB Selangor, Mufti Dan Timbalan Mufti Jumpa Wakil Jais Dan Gereja Esok
Bernama
24 Ogos, 2011**

SHAH ALAM, 24 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim bersama Mufti dan Timbalan Mufti Selangor akan menemui wakil Jabatan Agama Islam Selangor dan Damansara Utama Methodist Church esok berhubung isu pemeriksaan Jais di gereja itu kerana terdapat umat Islam yang hadir pada majlis makan malam di situ baru-baru ini.

Pertemuan dijadual diadakan di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 2 petang.

"Kita akan adakan pertemuan itu secara berasingan masing-masing sejam bersama wakil Jais dan penganjur majlis makan malam di gereja terbabit," kata Abdul Khalid kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di sini Rabu.

Katanya berkata beliau bersama Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid, dan Timbalan Mufti Datuk Abdul Majid Omar, akan mendengar penjelasan kedua-dua pihak itu sebelum membuat laporan untuk dipersembahkan kepada Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Mengenai kenyataan Sultan Selangor semalam menafikan baginda bersetuju dengan cadangan beliau supaya satu Majlis Syura dibentuk bagi menyelesaikan isu berkenaan, Abdul Khalid : "Tuanku tidak mahu konflik antara jawatankuasa yang ditubuhkan kerajaan negeri dan peranan Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

"Semalam saya sembahyang dengan baginda, dari maghrib sehingga terawih. Saya sebelah baginda. Tujuan kita untuk mencari penyelesaian bukan timbulkan isu lain," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=610181>